

Tiada lagi banjir besar

Oleh A. JAILANI ABDULLAH

KUALA LUMPUR 15 Okt. - Syarikat Mengurus Air Banjir dan Terowong Jalan Raya (SMART) yakin ibu negara tidak akan dilanda banjir besar lagi seperti yang pernah dialami sebelum terowong itu siap dibina dan beroperasi pada Jun tahun lalu.

Pengurus Besar Operasi SMART, Mohd. Fuad Kamal Ariffin berkata, ini kerana sejak terowong berkenaan beroperasi, ia telah berjaya mencapai objektifnya untuk menguruskan penyaluran 45 peratus air banjir di ibu negara.

Menurutnya, 55 peratus lagi air banjir diuruskan oleh projek-projek yang dibuat oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). "Banjir besar yang terakhir melanda Kuala Lumpur berlaku pada 10 Jun tahun lalu iaitu sebelum SMART beroperasi pada 23 Jun. Selepas itu tidak berlaku lagi banjir besar," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada majlis Rumah Terbuka Aidilfitri SMART di pusat operasinya di Bulatan Kampung Pandan di sini hari ini.

Pada majlis itu, beliau turut menyampai sumbangan sebanyak RM4,700 kepada Pusat Perlindungan Persatuan Kebajikan Anak Pesakit HIV dan AIDS Nurul Iman Malaysia (Pernim) dan duit raya kepada 20 anak yatim dari rumah perlindungan itu.

Mohd. Fuad mengulas mengenai persediaan SMART menghadapi kemungkinan banjir berikutan musim hujan sekarang ini.

Mengenai rungutan warga Kuala Lumpur terhadap kesesakan trafik setiap kali SMART ditutup kepada lalu lintas, Mohd. Fuad berharap pengguna jalan raya faham matlamat utama pembinaan terowong berkenaan.

Katanya, tujuan utama terowong itu ialah untuk menampung dan memindahkan air banjir dan bukannya sebagai satu langkah menyuraukan kenderaan.

"Objektif SMART ialah untuk menampung air banjir... jika kita tidak melakukan operasi penutupan kerana hendak melancarkan lalu-lintas, maka Kuala Lumpur



MOHD. Fuad Kamal Ariffin (bersongkok) bersama Timbalan Ketua Pengarah LLM, Nor Kamal Md. Ali (kiri) menyampaikan duit raya kepada anak yatim dari Pusat Perlindungan Pernim sambil diperhatikan oleh Penaung Pernim, Norlina Alawi pada majlis Rumah Terbuka Aidilfitri SMART di Kuala Lumpur, semalam.

akan banjir," tegasnya.

Kata beliau, pihaknya cuba untuk meminimumkan penutupan terowong itu tetapi keadaan cuaca terutama sekarang ini sering kali tidak mengizinkan langkah itu diambil.

Setakat ini, tambah beliau, SMART telah 17 kali ditutup sepenuhnya dengan yang terbaru pada awal pagi tadi selama dua jam.

"Selain ditutup sepenuhnya, SMART juga telah melencongkan air banjir sebanyak 38 kali pada tahun ini," jelasnya.

Ujarnya, penutupan itu adalah antara

dua jam hingga tiga hari bergantung kepada jumlah air.

"Jika hujan sangat lebat, kita akan tutup selama tiga hari termasuk dua hari untuk membersihkannya," katanya yang turut bergantung kepada arahan daripada JPS dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).

Namun, katanya, operasi pihaknya kini semakin cekap selepas banyak kali melakukan kerja penutupan dan pembersihan terowong itu dan yakin tempoh masa penutupan boleh dipendekkan pada masa depan.

Mohd. Fuad menjelaskan, apabila te-

rowong SMART perlu ditutup, pihaknya hanya mengambil masa 10 minit untuk membuat hebahan kepada orang ramai dengan memaklumkan kepada stesen radio, televisyen, agensi berita Bernama dan laman web mereka.

Selain itu, katanya, pihaknya juga memaklumkan kepada pengurusan lebu raya di sekitar ibu negara dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang akan memaparkan maklumat penutupan terowong menerusi papan maklumat dan Sistem Maklumat Pengangkutan Bersepadu (ITIS).